

Jenis Akhbar : *Bernama Online*
Tarikh : 11/03/2018
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa sasar 50 koperasi sekolah capai perolehan RM1 juta

Tarikh kemaskini: 11/03/2018

PEKAN, 11 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menasarkankan 50 koperasi sekolah negara untuk mencapai perolehan sebanyak RM1 juta setahun menjelang 2020.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata sasaran itu tidak mustahil untuk dicapai kerana lima koperasi daripada 2,388 sekolah menengah telah berjaya mencatat perolehan tersebut.

Lima koperasi sekolah terlibat ialah dari MRSM Kepala Batas Pulau Pinang, Kolej Vokasional Tanah Merah Kelantan, MRSM Kubang Pasu Kedah Berhad, MRSM Taiping Perak dan MRSM Batu Pahat Johor.

"Angkasa akan melihat koperasi sekolah yang berpotensi untuk mencapai sasaran ini dan mencari cara terbaik untuk membantunya, termasuk memberi tunjuk ajar kaedah pengurusan terbaik dengan kerjasama pihak lain seperti kantin sekolah," katanya.

Beliau ditemui selepas Majlis Sambutan Jubli Emas ke-50 Tahun Penubuhan Koperasi Sekolah 2018 Peringkat Kebangsaan di Hotel Ancasa di sini hari ini, yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Aminudin Adam.

Abdul Fattah berkata Angkasa juga mendapati di beberapa sekolah berlaku pergeseran antara pihak koperasi dan kantin apabila mereka berniaga barangan sama.

"Lebih baik koperasi memikirkan sesuatu yang berbeza seperti membekalkan barangan mentah kepada kantin. Kita mahu wujudkan situasi menang-menang...atau sasaran tidak sampai, perniagaan pun tidak berkembang," katanya.

Sementara itu, Aminudin turut berharap agar koperasi sekolah menjadi platform terawal untuk pelajar mendalami bidang perniagaan dan membina tapak bagi bergelar usahawan berjaya.

"Gerakan koperasi sekolah merupakan aktiviti kokurikulum yang mampu mendedahkan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar serta mendidik mereka mengenai celik kewangan.

"Kita mahu lahirkan lebih ramai usahawan pada masa akan datang, jadi penglibatan pelajar menimba ilmu perniagaan dan keusahawanan di sekolah mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan," katanya.

-- BERNAMA